

Seru Untuk Perpaduan, Kesederhanaan - DAP
mStar Online
Februari 03, 2012

PUTRAJAYA: DAP menggesa Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak supaya mengadakan perbincangan mengenai kesederhanaan.

Gesaan yang dibuat oleh pihak pembangkang itu berikutan penemuan bahagian badan babi yang ditemui di dua masjid di Kuala Lumpur minggu ini.

Penasihat parti, Lim Kit Siang berkata, sudah tiba masanya untuk Najib menyeru semua untuk bersatu bagi menentang pihak pelampau di negara ini.

"Kami menyeru kepada Perdana Menteri untuk mengadakan persidangan meja bulat melibatkan semua parti politik, agama dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) pada pertengahan Februari ini bagi menegaskan kesederhanaan dan mengutuk semua tindakan menghina agama, terutama insiden pengecut yang meletakkan kepala babi di luar masjid.

"Ia merupakan tindakan yang menghina agama, dikutuk sekeras-kerasnya oleh semua rakyat Malaysia yang tidak mahu melihat negara 'menjunam' ke arah keganasan politik, permusuhan kaum dan persengketaan agama," kata Lim dalam satu kenyataan pada Jumaat.

Hakcipta Terpelihara © 1995-2012 Star Publications (Malaysia) Bhd

Source:

http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2012/2/3/mstar_berita/20120203211416&sec=mstar_berita